

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 15 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1522-MQT2336

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bantuan segera yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu penoreh serta pekebun kecil getah dalam menangani musim panas dan penyakit daun yang mengakibatkan hasil susu getah berkurangan serta apakah hasil lawatan kerja Menteri ke Eropah dan sidang yang dihadiri oleh Menteri dalam menangani isu diskriminasi minyak sawit Malaysia dan rantau ASEAN.

2. PR-1522-MQT2333

Dato' Ramanan Ramakrishnan [Sungai Buloh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh KDN untuk tujuan menangani aktiviti perjudian atas talian. Sama ada KDN sedar aktiviti ini memberi kesan buruk kepada masyarakat dan sudahkah KDN memiliki pengkalan data langsung berkenaan mereka yang terlibat.

3. PR-1522-MQT2315

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah drastik yang perlu diambil oleh Kementerian dalam meningkatkan pengeluaran beras tempatan di samping memperkasakan tanaman padi di Sabah dan Sarawak susulan tindakan negara Vietnam yang mengambil langkah mengurangkan eksport beras mereka.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 15 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 42

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1522-L20212

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sarawak. Apakah kerja-kerja penyenggaraan selepas tamat pembinaan akan diswastakan dan bagaimanakah syarikat itu akan dilantik.

2. PR-1522-L20740

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang direncana Kerajaan bagi menampung impak fenomena El Nino terhadap bekalan makanan negara, terutamanya penanaman padi.

3. PR-1522-L19545

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bantuan yang diteruskan oleh Kementerian terhadap guru-guru yang terpaksa menguruskan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian disebabkan ketidakhadiran murid akibat kes jangkitan COVID-19 ketika Malaysia masih berada dalam fasa peralihan endemik ini.

4. PR-1522-L20867

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memastikan negara tidak mengalami impak buruk rentetan fenomena iklim global yang tidak menentu.

5. PR-1522-L19495

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan keyakinan rakyat Malaysia terhadap pengambilan dos penggalak kedua, bagi mengelakkan pembaziran vaksin COVID-19 berulang dan sama ada Kementerian bersedia melaksanakan pengambilan dos penggalak bagi kanak-kanak berusia antara 5 ke 11 tahun. Berikan alasan terhadap keputusan Kementerian.

6. PR-1522-L20701

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah kawalan yang telah, sedang dan akan diambil bagi memastikan ekonomi gig mampu memberikan kemampunan ekonomi dalam kehidupan sekarang.

7. PR-1522-L19822

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) syarat-syarat yang dikenakan atas peniaga bunga api oleh PDRM untuk meluluskan lesen menjual bunga api; dan
- (b) jumlah orang dijatuhkan hukuman kerana menjual bunga api dan mercun secara haram atau tidak mematuhi Explosive Rules 1923 ataupun Akta Letupan 1957.

8. PR-1522-L20791

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan keberkesanan pengendalian Pusat Jalur Lebar Komuniti dan sejauh manakah kebajikan kepada pengendali diberi perhatian.

9. PR-1522-L20095

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah segera dan jangka masa panjang yang mengambil kira kesan dari perubahan iklim dan aktiviti buatan manusia yang akan dilaksanakan Kementerian untuk mengelakkan bencana banjir besar dari berulang.

10. PR-1522-L20827

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menangani situasi Pharmaniaga yang diletakkan bawah kategori PN17 atau bermasalah kewangan, serta usaha mentransformasi sektor perolehan farmaseutikal termasuk mengurangkan kebergantungan pihak pengantara atau orang tengah dalam proses perolehan.

11. PR-1522-L20276

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan proses pemilihan calon Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC), jumlah kakitangan, peruntukan bagi tahun 2023 dan kesudian Kerajaan untuk meminda akta bagi memperkasakan IPCC kuasa menyiasat, menggeledah, merampas, mendesak saksi memberi keterangan/ dokumen/ bukti serta kuasa penguatkuasaan/mengambil tindakan terhadap pesalah.

12. PR-1522-L21021

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan secara terperinci bagi setiap tahun 2018 sehingga 2022 berkenaan Program Agroprenuer Muda, berapa bilangan belia yang menerima manfaat dan nilai kelulusan yang dikeluarkan.

13. PR-1522-L20176

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat kelayakan kemudahan asrama penuh serta jumlah sekolah dan murid yang berstatus berasrama penuh di peringkat kebangsaan mengikut negeri amnya dan di kawasan Parlimen Baram khasnya.

14. PR-1522-L20642

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan khusus Kementerian terhadap penstrukturran tenaga kerja secara menyeluruh terutama dalam menangani isu pengangguran tidak ketara atau *underemployment*.

15. PR-1522-L20275

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan projek peluasan infrastruktur telekomunikasi di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi menyediakan capaian akses internet yang menyeluruh kepada penduduk di Parlimen Tenom.

16. PR-1522-L20762

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan urusan keluar masuk negara dan sekatan di Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA lebih efisien dengan penyelesaian sesuatu sekatan kurang daripada 30 minit yang melibatkan Jabatan Imigresen dan Kastam Diraja Malaysia.

17. PR-1522-L20156

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tatacara pengendalian piaui (SOP) pembinaan sekolah baharu terutamanya bagi SJKC, SJKT dan Sekolah Mualigh yang dibiayai awam dan apakah prasyarat, sekiranya ada.

18. PR-1522-L20967

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

(a) senarai negeri yang mempunyai unsur nadir bumi (REE) berserta nilainya; dan

(b) langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi mengawal dan mengurangkan impak alam sekitar daripada aktiviti penerokaan unsur nadir bumi (REE) di Malaysia.

19. PR-1522-L19513

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal dan mengekang penularan berita palsu melalui media sosial terutamanya "TikTok", "Whatsapp", "Facebook", dan "Instagram" menjelang pilihan raya negeri yang tidak lama lagi.

20. PR-1522-L20684

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian merancang untuk mewujudkan semula Klinik Kesihatan Muadzam Shah bagi mengatasi masalah kesesakan di Hospital Muadzam Shah.

21. PR-1522-L20183

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah jangka masa pendek dan panjang pihak Kementerian untuk memastikan perkhidmatan Klinik Kesihatan Long Lama yang mengalami tanah runtuh pada tahun 2020 adalah pada tahap yang senantiasa memuaskan.

22. PR-1522-L21039

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Apakah usaha Kerajaan untuk membantu ahli keluarga tahanan SOSMA bagi mengurangkan impak sosioekonomi terhadap keluarga kerana ramai yang ditahan merupakan pencari nafkah tunggal.

23. PR-1522-L20258

Tuan Riduan bin Rubin [Tenom] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah majikan yang masih lagi gagal untuk mematuhi pelaksanaan Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) dan apakah kekangan yang dihadapi oleh majikan dalam melaksanakannya.

24. PR-1522-L20833

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan Sekolah Pendidikan Khas yang berfokus mengikut kategori Murid Berkeperluan Khas.

25. PR-1522-L19880

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci:-

(a) adakah Kementerian telah menjalankan analisis air minuman secara berkala di Sandakan untuk memastikan air minuman yang dibekalkan oleh Jabatan Air adalah selamat untuk diminum atau digunakan; dan

(b) adakah pejabat kesihatan awam di Sandakan merekodkan sebarang peningkatan kes seperti tekanan darah tinggi, kegagalan buah pinggang dan alahan kulit akibat paras klorida yang tinggi dalam bekalan air di Sandakan.

26. PR-1522-L19795

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kontraktor yang telah disenarai hitam oleh pihak Kementerian kerana kegagalan melaksanakan projek-projek yang telah diberikan kepada mereka.

27. PR-1522-L20008

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci rancangan klinik kesihatan jenis tiga yang akan dibina di daerah Bau beserta pembekalan kemudahan mesin dialisis untuk Hospital Bau.

28. PR-1522-L19486

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kesihatan mental di kalangan penghuni rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) akibat kemiskinan dan keadaan kehidupan yang buruk dan serba tertekan.

29. PR-1522-L20590

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang meluluskan permohonan bagi menaiktarafkan kawasan Luar Jelapang Padi di Parlimen Parit agar dapat diwartakan segera sebagai kawasan Jelapang Padi.

30. PR-1522-L19755

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setiap hari kira-kira 400,000 hingga 500,000 pengguna menggunakan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar di Johor Bahru. Kenapa semua kaunter melibatkan pejalan kaki, kereta, motosikal dan bas tidak dibuka sepenuhnya setiap hari untuk mengurangkan kesesakan laluan darat antara Malaysia dan Singapura.

31. PR-1522-L20522

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status siasatan terhadap bekas peguam Negara Tommy Thomas selepas Pasukan Petugas Khas yang ditubuh oleh kabinet untuk menjalankan kajian awalan berhubung pendedahan yang terkandung dalam bukunya, "My Story: Justice in the Wilderness" yang mana Kerajaan pada ketika itu menyahklasifikasikan laporan Pasukan Petugas Khas yang antara lain mengesyorkan supaya Tommy Thomas disiasat kerana melakukan pelbagai kesalahan.

32. PR-1522-L20476

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci berapa jumlah terkini rakyat tempatan tanpa warganegara dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam membantu rakyat tempatan yang layak dan masih *stateless* ini segera mendapatkan status kewarganegaraan.

33. PR-1522-L20688

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana perancangan Kementerian dalam mewujudkan konsep wakaf alam sekitar secara progresif bagi menjamin kemampunan alam sekitar.

34. PR-1522-L19911

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kementerian berhubung arahan Perdana Menteri berkaitan masalah bekalan air semasa kemarau seperti dilaporkan semasa Perdana Menteri merasmikan Hari Air Sedunia pada bulan Mac, 2023.

35. PR-1522-L20889

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pecahan peruntukan sebanyak RM750 juta bagi pelaksanaan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

36. PR-1522-L20121

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dibuat oleh Kementerian dalam membantu meningkatkan pendapatan golongan nelayan, petani dan penternak.

37. PR-1522-L20540

Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) status dan garis masa bagi pengambilan guru baharu tahun 2023; dan

(b) perincian pengambilan guru mengikut opsyen mata pelajaran bagi tahun 2016 hingga tahun 2023.

38. PR-1522-L19682

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah kekurangan bekalan air di seluruh negara berikutan perubahan iklim dan ramalan musim kemarau berpanjangan berikutan fenomena El Nino.

39. PR-1522-L20298

Tuan Zahari bin Kechik [Jeli] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai racangan untuk memperkenalkan ‘Tiang Utiliti’ yang menggabungkan jaringan kabel elektrik, telefon dan lampu jalan di satu tiang yang sama di seluruh negara.

40. PR-1522-L20840

Datuk Iskandar Dzulkarnain bin Abdul Khalid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme pelaksanaan program di atas 800 ekar tanah milik Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pertanian bagi membantu golongan B40 dan miskin tegar sebagai langkah dalam mengurangkan masalah bekalan makanan negara.

41. PR-1522-L19561

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah Tindakan Pembangunan Bumiputera (TPB2030) supaya tidak akan mengalami masalah tangkapan elit (*elite capture*), budaya politik naungan (*political patronage*), usaha merentir (*rent-seeking*) dan penyalahgunaan kuasa yang menghadapi dasar-dasar sebelum ini; dan usaha-usaha untuk meningkatkan kebolehan, daya saing serta keyakinan usahawan Bumiputera.

42. PR-1522-L20335

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi melaksanakan program penanaman padi lima kali dua tahun bagi menambahkan lagi SSR beras negara ke tahap 100%.

43. PR-1522-L19647

Datuk Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaik taraf jalan Kundasang-Kundasang Lama-Kg Kinaundusan menuju ke simpang Kg Pinausok serta bila Kerajaan akan membaiki keadaan jalan bertar yang sudah teruk dikebanyakan jalan yang melalui jalan Kg Kibbas-Tambiau-Kg Waang-Kundasang Lama.

44. PR-1522-L20433

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penubuhan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis bagi mempertingkatkan integriti dalam kalangan anggota polis dan menambahkan lagi keyakinan orang awam terhadap pasukan keselamatan.

45. PR-1522-L21038

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Apakah Kementerian berhasrat untuk melaksanakan moratorium ke atas penggunaan SOSMA sehingga pindaan dilakukan bagi membenarkan ikat jamin terhadap orang kena tuduh.

46. PR-1522-L19866

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan secara terperinci oleh agensi-agensi keselamatan dalam melihat aktiviti pencegahan jenayah melibatkan aspek digital.

47. PR-1522-L19885

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menangani isu keterjaminan makanan dan kerugian petani khususnya apabila menghadapi fenomena seperti El-Nino yang memberi kesan kepada sumber pengeluaran makanan.

48. PR-1522-L20960

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan dan usaha Kementerian bagi mengenal pasti murid yang lemah dalam penguasaan 3M tetapi masih terus belajar akademik dan menimbulkan masalah apabila murid-murid ini tidak mampu mengikuti akademik sedia ada.

49. PR-1522-L(5)00178

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan "Lesen Menjual, Memilik, Membeli, Letupan dan Peluru", Borang E di bawah Peraturan 7 Enakmen Letupan (Bab 200) yang dikeluarkan oleh pihak PDRM khusus kepada peniaga bunga api dan mercun pada musim perayaan dari tahun 2017 ke tahun 2022.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

50. PR-1522-L20571

Tuan Gobind Singh Deo [Damansara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan untuk kewarganegaraan Malaysia yang telah pun diterima oleh Kementerian yang masih belum diselesaikan serta langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan dan tempoh masa yang dicadangkan untuk tujuan tersebut.

51. PR-1522-L20918

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kerajaan ada atau akan membuat pertimbangan terhadap cadangan memberikan kebenaran kepada pekerja asing di Malaysia untuk terlibat sebagai pekerja sambilan sektor perkhidmatan.

52. PR-1522-L20057

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pengambilan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dari tahun 2018 hingga 2023 secara terperinci mengikut aliran dan opsyen dan adakah pengambilan PISMP cukup untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru dalam semua aliran.

53. PR-1522-L19538

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah insentif yang dirancang untuk dilaksanakan sebagai usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara dan apakah sektor yang mendapat permintaan kukuh peringkat domestik dan eksport.

54. PR-1522-L20882

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha untuk membaik pulih, menaik taraf dan membina kuarters baru bagi kegunaan staf dan kakitangan yang bertugas di klinik-klinik kesihatan di luar bandar dan pedalaman termasuk di kawasan Lubok Antu yang mana agak sukar untuk mereka mendapatkan rumah sewa.

55. PR-1522-L20118

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melengkapkan jalan-jalan di Sarawak termasuk jalan-jalan pesisir dengan pemasangan lebih banyak lampu jalan demi keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya terutamanya pada waktu malam.

56. PR-1522-L(5)00181

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status kerja membaik pulih kerosakan infrastruktur jalan yang disebabkan oleh kerja pembetungan di bawah Pakej D49, Langat Centralized Sewage Treatment Plant.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

57. PR-1522-L20789

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) berkenaan Penang South Island, perincikan negeri-negeri yang terlibat sebagai pembekal sumber asli pasir laut, batubatan, air mentah dan lain-lain sumber untuk membina 3 buah pulau buatan ini; dan
- (b) berdasarkan 71 syarat EIA yang telah diluluskan, perincikan syarat yang rumit untuk memenuhi garis panduan.

58. PR-1522-L20075

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah input-input/idea-idea pemeriksaan ekonomi yang holistik rentas Kementerian-Kementerian, pemain-pemain industri dan tokoh-tokoh ekonomi/korporat telah dicadang dan digerak melalui Majlis Tindakan Ekonomi dalam memacu pemulihan ekonomi negara.

59. PR-1522-L20772

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status projek pembangunan Sekolah Menengah Bandar Putra Bertam, Kepala Batas yang kini terbengkalai dan jangkaan siap sepenuhnya; dan
- (b) perancangan jumlah sekolah baru dan lokasi yang akan dibina di Kepala Batas dan Pulau Pinang.

60. PR-1522-L19813

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah rasional Kementerian dalam melanjutkan konsesi Pharmaniaga Berhad dalam penyediaan bekalan perubatan kepada hospital Kerajaan; dan
- (b) adakah Kementerian telah melaksanakan proses tender terbuka untuk mendapatkan kontrak yang lebih kompetitif, dan jika tidak, mengapa.

61. PR-1522-L20803

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bilakah isu capaian internet di Kuala Krai dapat diatasi dan diselesaikan sepenuhnya.

62. PR-1522-L20053

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan berikan data-data menjelaskan maklumat akses kepada Digital Free Trade Zone (DFTZ) oleh peniaga-peniaga SMEs dan MSMEs. Apakah statistik yang menunjukkan bahawa SMEs dan MSMEs tempatan mengeksport dan menggunakan kemudahan yang disediakan oleh DFTZ.

63. PR-1522-L20689

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tindakan-tindakan adaptasi perubahan iklim yang sedang dilaksanakan dan dirancang oleh Kementerian.

64. PR-1522-L20604

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh bagi menawarkan kerakyatan kepada warganegara asing yang berkepakaran tinggi di dalam bidang strategik yang dikenalpasti bagi membantu proses transformasi negara berjalan dengan lebih cepat dan teratur.

65. PR-1522-L19968

Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah pelan Kementerian bagi memastikan setiap kawasan luar bandar akan mendapat rangkaian internet jalur lebar dengan kelajuan yang optimum bagi memastikan setiap warganegara mendapat manfaat jalur lebar yang adil dan saksama.

66. PR-1522-L20165

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mekanisme terbaharu Kerajaan bagi menyelesaikan isu penduduk tanpa dokumen yang dianggarkan seramai 60 ribu individu di Sabah yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

67. PR-1522-L20519

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perincian garis masa dan kaedah pengoperasian lebuh-lebuh raya yang terlibat dalam pelaksanaan sistem pembayaran terbuka di plaza tol lebuh raya menjelang hujung tahun ini dan adakah terdapat sebarang caj tambahan yang dikenakan terhadap pengguna.

68. PR-1522-L19778

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) justifikasi Kementerian mengimport telur ayam dari Thailand dan bagaimana status pengimportan telur ayam dari India; dan
- (b) mengapa Kementerian tidak mengutamakan penternak telur ayam tempatan yang dapat menghindar aliran tunai ke luar negara.

69. PR-1522-L20654

Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pelan perancangan dan langkah Kementerian dalam memastikan pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dapat menyediakan bekalan air ke semua kawasan dalam Parlimen Temerloh tanpa gangguan.

70. PR-1522-L20027

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan garis masa, menurut pecahan negeri, sasaran 80% liputan 5G menjelang penghujung tahun ini dan apakah perancangan untuk 20% yang tidak mendapat liputan 5G.

71. PR-1522-L20387

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan dan pendirian Kementerian untuk:-

- (a) mengkaji semula kesesuaian silibus yang dilihat beraras tinggi dan tidak sesuai dengan pelajar; dan
- (b) mengembalikan sekolah khas untuk kuasai kemahiran 3M.

72. PR-1522-L20084

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Projek Klinik Kesihatan Daro dan Projek Klinik Pergigian Daro yang terbengkalai. Bilakah kedua-dua projek ini akan dilaksanakan lagi.

73. PR-1522-L19805

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian berdepan dengan fenomena El Nino yang dijangka berlarutan hingga bulan September. Sejauh mana jangkaan implikasi fenomena ini terhadap kesihatan awam dan sekuriti makanan di negara ini.

74. PR-1522-L19530

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mekanisme yang dilaksanakan bagi usaha merancakkan pengeluaran makanan domestik negara dan apakah usaha Kementerian dalam memperhalusi langkah dan intervensi bagi menangani isu bekalan makanan negara selain memantau status bekalan makanan negara.

75. PR-1522-L20039

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah baru yang akan dibina di seluruh negara bagi menangani masalah kepadatan pelajar yang kritikal. Apakah penyelesaian jangka masa pendek yang akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini.

76. PR-1522-L20443

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) perancangan Kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan warga tua yang populasinya semakin meningkat; dan
- (b) apa perkembangan terkini kelab warga emas yang pernah diwujudkan sebelum ini.

77. PR-1522-L(5)00182

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan asas pertimbangan, perubahan perjawatan dan perubahan kos Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk menggabungkan AADK Daerah Ampang ke dalam AADK Daerah Hulu Langat walaupun jarak antara kedua-dua pejabat AADK ini jauh antara sama lain dan mempunyai klien setempat masing-masing.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

78. PR-1522-L19695

Tuan Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan Program Transformasi Sektor Air 2040 menasarkan penggunaan air bawah tanah sebanyak 20%. Sehingga kini apakah usaha untuk mencapai sasaran tersebut.

79. PR-1522-L20906

Dato' Dr. Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan komprehensif Kementerian untuk memartabat sektor penjagaan profesional warga emas ke arah mencapai Nisbah Sokongan Penjaga menjelang negara menua pada tahun 2030.

80. PR-1522-L20279

Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik dan unjuran Pengetua Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) yang bakal bersara wajib dan pilihan dari tahun 2023 sehingga 2033 serta unjuran calon Pengetua SMJK untuk mengisi kekosongan memandangkan Kementerian kekurangan pengetua dan guru selama ini dan cara penyelesaian isu ini.

81. PR-1522-L20746

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan dan langkah-langkah penambahbaikan gegelung Sungai Malai, Kamunting, Mukim Taiping yang kecil dan tidak dapat menampung saliran air sungai sehingga boleh menyebabkan banjir ke kawasan penempatan dalam Parlimen Bukit Gantang.

82. PR-1522-L20731

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pecahan jumlah caruman dalam Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) mengikut kategori caruman serta jenis pekerjaan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mempromosikan program terbabit hingga ke akar umbi.

83. PR-1522-L19542

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk mengkaji semula dan menurunkan had umur persaraan sebagai salah satu usaha mengurangkan pengangguran dan menangani isu kebolehcapaian mutu kerja pekerja.

84. PR-1522-L(5)00179

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan senarai lokasi potensi deposit nadir bumi (*rare earth*) yang dikenalpasti sehingga kini dan sama ada kelulusan perlombongan akan/telah diberikan.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

85. PR-1522-L20584

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah sistem jaminan keselamatan sosial yang sedia ada telah berjaya melindungi kebajikan para pekerja dalam negara; dan
- (b) apakah bentuk-bentuk penambahbaikan yang sedang direncanakan oleh Kementerian bagi memastikan hak pekerja lebih terjaga ketika ini.

86. PR-1522-L20224

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah dan persiapan Kementerian dari segi undang-undang, panduan, dan kesiapsiagaan dari sudut sumber tenaga dan infrastruktur bagi mendepani cabaran perubahan iklim yang semakin membimbangkan.

87. PR-1522-L20397

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian terhadap majikan yang tidak melaksanakan perintah gaji minimum RM1,500 sebagaimana yang diumumkan oleh Kerajaan.

88. PR-1522-L19584

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bentuk penguatkuasaan berkala yang dipergiatkan di seluruh negara bagi memantau tahap kebersihan premis-premis makanan termasuk vaksinasi pekerja dan sejauh manakah Kementerian melaksanakan pemantauan susulan terhadap restoran-restoran yang telah di kompaun atau diberi amaran tegas khususnya berkaitan masalah kekotoran dapur.

89. PR-1522-L20221

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah (mengikut bilangan, nilai dan daerah) projek naik taraf bangunan dan infrastruktur sekolah daif di Sabah yang dimulakan pada tahun ini dan jangkaan siap projek-projek tersebut.

90. PR-1522-L20792

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyelesaian permasalahan bagi pesakit-pesakit luar & kecemasan yang melibatkan masa menunggu yang terlalu lama dan temu janji-temu janji rawatan di Hospital Dungun dan klinik-klinik kesihatan di daerah Dungun.

91. PR-1522-L20548

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha bersepada pelan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi beban tugas guru di sekolah.

92. PR-1522-L19723

Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status:-

- (a) dana Obligasi Sosial berjumlah RM37 juta yang belum dikutip untuk tahun 2021 (menurut Laporan Ketua Audit Negara 2021); dan
- (b) penubuhan akaun amanah bagi maksud pelaksanaan obligasi sosial oleh syarikat konsesi pengurusan industri padi dan beras.

93. PR-1522-L20895

Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah prestasi bagi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dari segi penciptaan ekonomi baharu dan peningkatan pendapatan masyarakat tempatan terutamanya dalam bidang perkhidmatan digital dan industri berdasarkan teknologi tinggi.

94. PR-1522-L19502

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian KPM terhadap kantin sekolah yang tidak memasak makanan di dapur kantin, sebaliknya memasak di luar dan menghantar makanan ke sekolah, walaupun terdapat kemudahan dapur di kantin sekolah dan bilangan murid yang mencukupi (bukan sekolah SKM). Nyatakan tindakan yang bakal diambil oleh KPM untuk mengatasi masalah ini.

95. PR-1522-L20460

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berkenaan status Penolong Pegawai Perubatan (PPP) lantikan kontrak dari kolej swasta berjumlah seramai 1,900 orang yang mana mereka ini telah diambil bekerja secara kontrak sewaktu COVID-19 melanda negara dulu, sebahagian mereka kontraknya telah tamat dan tidak disambung sementara sebahagian lagi menunggu giliran untuk tamat tempoh kontraknya.

96. PR-1522-L20626

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warganegara Malaysia yang dilepaskan terus dari penjara tanpa Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan (KPPK).

97. PR-1522-L21012

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah dan inisiatif Kementerian bagi menggalakkan penyertaan golongan belia dalam sektor pertanian dan agrikultur yang dikatakan kurang mendapat sambutan dalam kalangan anak muda di negara ini.

98. PR-1522-L20667

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan yang sedang atau telah diambil oleh Kementerian dalam menyelesaikan isu air di negeri Pahang terutamanya di Rompin. Kelemahan infrastruktur menjadi asas kepada masalah bekalan air bersih sentiasa berlaku lebih-lebih lagi pada waktu puncak seperti perayaan.

99. PR-1522-L19927

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status terkini kelulusan Dasar Pendidikan Digital dan hala tuju pendidikan di Malaysia dalam era digital (Education 4.0); and

- (b) kos pelaksanaan pelantar *Google Suit for Education* yang melibatkan semua murid dan guru serta status pelaksanaan pendidikan digital atau *e-Learning* di sekolah-sekolah Kerajaan.
100. PR-1522-L20822
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apa usaha dan langkah pihak Kementerian untuk memastikan keadaan Jalan Persekutuan di Parlimen Padang Rengas sentiasa di dalam keadaan yang baik memandangkan terdapat banyak kerosakan jalan.
101. PR-1522-L19749
Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan dalam membangunkan industri akuakultur dan pertanian bandar (urban farming) dalam negara. Perincian jumlah pengusaha, bantuan telah dan yang akan disalurkan (termasuk kerugian akibat bencana) serta nyatakan juga sumbangan sektor berkaitan mengikut pecahan negeri kepada pembangunan negara sejak tahun 2018.
102. PR-1522-L(5)00183
Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan garis masa pembinaan SK Taman Sutera, Kajang dan SMK Bandar Tun Hussein Onn, Cheras.
- [Pertanyaan di bawah PM.22(5)]
103. PR-1522-L19867
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana kejayaan Sabah Development Corridor (SDC) yang diperkenalkan sebelum ini serta apakah impaknya secara khusus kepada ekonomi dan pembangunan masyarakat di daerah Sandakan.
104. PR-1522-L19898
Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) reformasi penjara yang telah dan akan dilakukan oleh Kerajaan untuk mengurangkan isu kesesakan penjara di seluruh negara; dan
 - (b) sila nyatakan kos yang dibelanjakan untuk banduan setiap hari.

105. PR-1522-L21025

Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perkembangan penstrukturran semula program-program yang ditawarkan di dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) bagi mewujudkan suatu sistem yang lebih berfokus, sistematik dan efektif serta mengoptimumkan objektif pelaksanaannya di bawah satu organisasi.

106. PR-1522-L20970

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana kajian pihak Kementerian untuk memperluas tanaman padi darat di Malaysia bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi.

107. PR-1522-L20116

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kerajaan seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Sarawak supaya perdagangan karbon sebagai komoditi utama Malaysia. Apakah status bursa Carbon Exchange Malaysia.

108. PR-1522-L20979

Datuk Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah projek pembangunan di wilayah Sabah dan Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) yang telah siap sepenuhnya, yang belum bermula dan yang akan dilaksanakan mengikut pecahan kategori projek dan kawasan Parlimen.

109. PR-1522-L19986

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk meminda peruntukan-peruntukan Seksyen 124B,C,D,E & F Kanun Keseksaan dengan memasukkan satu takrifan kepada 'aktiviti memudarangkan demokrasi berparlimen' supaya peruntukan-peruntukan ini tidak disalahgunakan.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kesihatan**

- * Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :

Bahawa Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

Bahawa Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untuk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

Bahawa Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

Bahawa Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (*Whole of Nation*) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

Bahawa Dewan ini meluluskan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 12 Jun 2023."

2. (D.R. 23/2023) Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri **Bacaan Kali Yang Kedua**
Malaysia (Pindaan) 2023.

[Menteri Kewangan]

3. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.120, ST.121, ST.122, ST.123, ST.124, ST.133, ST.135, ST.136 bagi tahun 2023 disahkan."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

8. PR-1522-U(27)254

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[Perdana Menteri]

9. PR-1522-U(27)255

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

10. PR-1522-U(27)256

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

11. PR-1522-U(27)257

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

[Menteri Ekonomi]

12. PR-1522-U(27)258

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1522-U(27)259

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

[Perdana Menteri]

14. PR-1522-U(27)260

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

[Menteri Komunikasi dan Digital]

15. PR-1522-U(27)261

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1522-U(27)262

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

17. PR-1522-U(27)263

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

[Menteri Sumber Manusia]

18. PR-1522-U(27)264

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

19. PR-1522-U(27)265

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

20. PR-1522-U(27)266

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

[Menteri Kewangan]

21. PR-1522-U(27)267

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1522-U(27)246

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

[Menteri Sumber Manusia]

23. PR-1522-U(27)247

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

24. PR-1522-U(27)248

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimport telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

25. PR-1522-U(27)249

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "redemption of credit shell" demi melindungi kepentingan penumpang."

[Menteri Pengangkutan]

26. PR-1522-U(27)251

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

[Menteri Kewangan]

27. PR-1522-U(27)252

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

[Menteri Ekonomi]

28. PR-1522-U(27)253

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

[Menteri Kewangan]

29. PR-1522-U(27)250

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesas Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parlimen Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parlimen."

[Perdana Menteri]

30. PR-1522-U(27)268

Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [Sungai Petani] akan mencadangkan :

"Bahwasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

[Perdana Menteri]

31. PR-1522-U(27)269

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silibus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

[Menteri Pendidikan Tinggi]

32. PR-1522-U(27)270

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Penguatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu dipermudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melaui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesan perlu diambil terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

[Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan]

33. PR-1522-U(27)271

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengadakan perbincangan dengan pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan dan membantu golongan berpendapatan rendah. Usul ini merujuk kepada pengurusan makanan yang hampir mencapai tarikh luput.

Cadangan ini melibatkan makanan yang masih selamat dimakan seperti makanan dalam tin dan makanan berbungkus yang berada dalam keadaan baik, sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh luput, serta makanan hasil segar yang belum menunjukkan tandatanda pereputan. Makanan-makanan tersebut boleh didermakan kepada bank makanan yang sedia ada di kawasan tempatan, untuk kemudian diedarkan kepada golongan B40.

Langkah ini bukan sahaja membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan akses kepada makanan, tetapi juga secara tidak langsung mengurangkan kadar sisa makanan yang berlaku dalam industri penjualan runcit makanan di negara kita. Ini adalah sejajar dengan usaha Kerajaan dalam mengekalkan kelestarian alam dan mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar. Kerajaan, pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan, serta komuniti dapat bekerjasama dalam usaha ini untuk mengurangkan pembaziran dan membantu rakyat yang memerlukan. Dengan cara ini, kita dapat membantu memastikan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan berkualiti."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

34. PR-1522-U(27)272

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkatkan pemantauan dan efisen untuk memperbaiki jalan raya yang berlubang dan menaik taraf jalan raya di seluruh negara, khususnya dalam konteks keselamatan penunggang motosikal dan basikal.

Jalan raya berlubang adalah suatu isu yang serius, dan telah menjadi punca kepada peningkatan risiko kemalangan, terutamanya kepada penunggang motosikal dan basikal, dan lebih-lebih lagi pada waktu malam. Banyak kes kematian dan cedera parah telah dilaporkan akibat daripada jalan raya yang berlubang ini, seringkali melibatkan golongan warga tua yang tidak dapat mengelak dalam masa yang singkat.

Kerajaan harus mengambil langkah-langkah proaktif dan memberi keutamaan kepada isu keselamatan jalan raya ini, terutamanya dalam konteks penunggang motosikal dan basikal bagi mengurangkan risiko kemalangan dan melindungi keselamatan pengguna jalan raya."

[Menteri Kerja Raya]

35. PR-1522-U(27)273

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan membuat persiapan untuk mengurangkan impak negetif bekalan makanan yang mungkin berlaku berikut cuaca ekstrem di negara kita.

Peristiwa cuaca ekstrem ini dijangka beterusan sehingga bulan September, dengan kemungkinan mencapai kemuncaknya pada bulan Ogos. Laporan Moody's telah menyatakan hasil tanaman, khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan, mungkin akan berkurangan yang mungkin menyebabkan situasi di mana permintaan melebihi penawaran. Ini secara tidak langsung boleh memberi impak yang signifikan kepada kos hidup rakyat.

Kerajaan perlu merancang dan mengurangkan risiko kekurangan makanan, serta dapat bertindak dengan lebih cepat dan berkesan apabila berhadapan dengan kemungkinan situasi tersebut. Langkah ini amat penting untuk memastikan keselamatan makanan rakyat Malaysia tidak terjejas oleh peristiwa cuaca ekstrem."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

36. PR-1522-U(27)274

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan semula syarat Program Malaysia My Second Home (MM2H), khususnya menurunkan semula syarat pendapatan bulanan dari RM40,000 ke RM10,000 dengan tujuan untuk meningkatkan permohonan MM2H.

Kos sara hidup di Malaysia yang jauh lebih rendah berbanding di negara maju seperti Japan, Korea, China, Amerika Syarikat, Hong Kong, India merupakan faktor utama yang menarik minat warganegara asing untuk melabur dan menetap di sini. Bagaimanapun, syarat ketat MM2H telah mengurangkan minat mereka untuk melabur dan menetap di negara kita.

Ini jugak secara tidak langsung dapat membantu menyelesaikan masalah penawaran yang melebihi permintaan dalam sektor harta tanah mewah di Malaysia."

[Menteri Dalam Negeri]

37. PR-1522-U(27)275

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan infrastruktur Tenaga Nasional Berhad (TNB) berada dalam keadaan baik dan mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung penggunaan elektrik yang meningkat ketara terutamanya semasa tempoh cuaca ekstrem.

Situasi cuaca ekstrem sekarang telah menyebabkan penggunaan elektrik meningkat secara mendadak, terutamanya penggunaan pendingin hawa, kipas dan peralatan lain untuk mengekalkan paras suhu yang selesa ketika cuaca panas. Ini mungkin meletakkan tekanan tambahan kepada infrastruktur sedia ada.

Keadaan ini memerlukan kita memastikan infrastruktur TNB yang berkaitan, seperti pencawang, kabel elektrik, menara kabel elektrik bervoltan tinggi berada dalam keadaan yang baik dan dapat menampung penggunaan elektrik yang tinggi. Sekiranya tidak, ini boleh mengakibatkan gangguan bekalan elektrik yang boleh membawa kesulitan dan ketidakselesaan bagi rakyat, terutama dalam situasi cuaca ekstrem."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

38. PR-1522-U(27)276

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Malaysia untuk menjalankan kajian separuh tempoh Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 seperti yang dijanjikan dalam pelan tersebut.

Kempen Tiada Beg Plastik telah mula dilaksanakan di beberapa negeri pada tahun 2012 dan Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 pada 17 Oktober 2018 bagi menangani masalah pencemaran sisa plastik sekali guna secara menyeluruh.

Statistik menunjukkan rakyat Malaysia menggunakan secara purata 300 beg plastik setahun dan dianggar membuang lebih daripada 30,000 tan plastik ke laut setiap tahun. Oleh itu, adalah penting bagi Kerajaan untuk memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan Pelan Hala Tuju tersebut, dengan mengambil kira perbezaan dalam mekanisme pelaksanaan antara Kerajaan negeri."

[Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

39. PR-1522-U(27)277

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Malaysia untuk menukuhan agensi tunggal yang akan bertanggungjawab dalam mengawal selia sempadan negara, khususnya di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), sebagaimana yang telah dilaksanakan di Singapura.

Mengambil kira hampir 200,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan berulang-alik setiap hari, ini telah menyebabkan kesesakkan lalu lintas yang berterusan di kedua-dua lokasi tersebut. Kesesekan di lorong motosikal, lorong bas dan lorong kereta telah memberikan beban kepada rakyat kita dan memerlukan tindakan segera.

Oleh itu, adalah penting untuk menukuhan agensi tunggal yang bertanggungjawab dalam mengawal selia sempadan negara. Agensi ini perlu berfungsi untuk melaksanakan penyelarasian yang ketat dan rapi antara 23 agensi di BSI dan 13 agensi di KSAB yang berada di bawah Kementerian yang berbeza."

[Menteri Dalam Negeri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 5	Penyata Jawatankuasa Dewan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	15 Jun 2023
CMD. 25	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) Bagi Tahun 2021	15 Jun 2023
ST. 111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia Bagi Tahun 2021	15 Jun 2023
ST. 138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan PR1MA Malaysia Bagi Tahun 2021	15 Jun 2023
ST. 144	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguinkuasaan (EAIC) Bagi Tahun 2021	15 Jun 2023
ST. 149	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2021	15 Jun 2023

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 15.06.2023 (Khamis)	1. YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud)	1. Keperluan Membina Politeknik Kota Belud, Sabah	1. YB Menteri Ekonomi
2. 15.06.2023 (Khamis)	2. YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis (Kota Belud)	2. Keperluan Menyegerakan Projek Bekalan Air dan Elektrik di Sabah	2. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
3. 15.06.2023 (Khamis)	3. YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)	3. Status Terkini Habitat Harimau yang Terancam	3. YB Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
4. 15.06.2023 (Khamis)	4. YB Tuan Jimmy Puah Wee Tse (Tebrau)	4. Jejambat di Persimpangan Cahaya Baru Lebu Raya Senai – Desaru (SDE)	4. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**